



20 Julai 2023
20 July 2023
P.U. (A) 223

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT
MALAYSIA (ASAS BAGI PENGIRAAN LEVI PERTAMA DAN
LEVI TAHUNAN BERKENAAN DENGAN ANGGOTA
PENANGGUNG INSURANS) 2023

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(BASIS FOR CALCULATION OF FIRST LEVY AND ANNUAL
LEVY IN RESPECT OF INSURER MEMBERS) ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERINTAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (ASAS BAGI PENGIRAAN
LEVI PERTAMA DAN LEVI TAHUNAN BERKENAAN DENGAN ANGGOTA
PENANGGUNG INSURANS) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 71A(1)(a), 73(1)(b), 73A(1)(a) dan 73A(2)(a) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Asas bagi Pengiraan Levi Pertama dan Levi Tahunan berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2023**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 21 Julai 2023.

Asas pengiraan levi pertama

2. (1) Levi pertama yang kena dibayar di bawah subseksyen 71(1) Akta oleh suatu anggota penanggung insurans baharu yang menjalankan perniagaan takaful keluarga atau insurans hayat hendaklah dikira berdasarkan asas penilaian liabiliti takaful keluarga atau liabiliti insurans hayat anggota penanggung insurans baharu itu pada hari terakhir bulan kalendar yang anggota penanggung insurans baharu itu menjadi institusi anggota berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful keluarga atau polisi insurans hayat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Levi pertama yang kena dibayar di bawah subseksyen 71(1) Akta oleh suatu anggota penanggung insurans baharu yang menjalankan perniagaan takaful am atau insurans am hendaklah dikira berdasarkan asas jumlah sumbangan bersih atau jumlah premium bersih anggota penanggung insurans baharu itu dalam bulan kalendar yang anggota penanggung insurans baharu itu menjadi institusi anggota berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau

insurans atau apa-apa sijil takaful am atau polisi insurans am sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(3) Levi pertama yang kena dibayar di bawah subseksyen 71(1) Akta oleh suatu anggota penanggung insurans baharu yang telah beroperasi dan menjalankan perniagaan takaful am atau insurans am untuk tempoh minimum dua tahun sebelum anggota penanggung insurans baharu itu disifatkan sebagai institusi anggota menurut perenggan 36(2)(b) Akta, hendaklah dikira berdasarkan asas jumlah sumbangan bersih atau jumlah premium bersih anggota penanggung insurans baharu itu bagi tahun taksiran yang sebelumnya berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful am atau polisi insurans am sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(4) Levi pertama yang kena dibayar di bawah subseksyen 71(2) Akta oleh suatu anggota penanggung insurans baharu yang menjalankan perniagaan takaful keluarga atau insurans hayat hendaklah dikira berdasarkan asas penilaian liabiliti takaful keluarga atau liabiliti insurans hayat pihak pemindah seperti yang berikut:

- (a) berkenaan dengan pihak pemindah yang merupakan anggota penanggung insurans, berdasarkan asas penilaian liabiliti takaful keluarga atau liabiliti insurans hayat pihak pemindah pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful keluarga atau polisi insurans hayat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan; dan
- (b) berkenaan dengan pihak pemindah yang bukan anggota penanggung insurans, berdasarkan asas penilaian liabiliti takaful keluarga atau liabiliti insurans hayat pihak pemindah pada tarikh pemindahan berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful keluarga atau polisi insurans hayat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan berhubung dengan perniagaan yang

dipindahkan daripada pihak pemindah itu kepada anggota penanggung insurans baharu itu.

(5) Levi pertama yang kena dibayar di bawah subseksyen 71(2) Akta oleh suatu anggota penanggung insurans baharu yang menjalankan perniagaan takaful am atau insurans am hendaklah dikira berdasarkan asas jumlah sumbangan bersih atau jumlah premium bersih pihak pemindah bagi tahun taksiran yang sebelumnya berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful am atau polisi insurans am sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan, tanpa mengira sama ada pihak pemindah merupakan anggota penanggung insurans atau bukan anggota penanggung insurans.

Asas pengiraan levi tahunan

3. (1) Levi tahunan yang kena dibayar di bawah subseksyen 72(1) Akta oleh suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga atau insurans hayat hendaklah dikira berdasarkan asas penilaian liabiliti takaful keluarga atau liabiliti insurans hayat anggota penanggung insurans itu pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful keluarga atau polisi insurans hayat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Levi tahunan yang kena dibayar di bawah subseksyen 72(1) Akta oleh suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am atau insurans am hendaklah dikira berdasarkan asas jumlah sumbangan bersih atau jumlah premium bersih anggota penanggung insurans itu bagi tahun taksiran yang sebelumnya berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful am atau polisi insurans am sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(3) Levi tahunan yang kena dibayar di bawah perenggan 73A(1)(a) Akta oleh suatu anggota penerima pindahan yang menjalankan perniagaan takaful keluarga atau insurans hayat hendaklah dikira berdasarkan asas seperti yang berikut:

- (a) penilaian liabiliti takaful keluarga atau liabiliti insurans hayat anggota penerima pindahan pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful keluarga atau polisi insurans hayat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan; dan
- (b) penilaian liabiliti takaful keluarga atau liabiliti insurans hayat pihak pemindah seperti yang berikut:
 - (i) berkenaan dengan pihak pemindah yang merupakan anggota penanggung insurans, berdasarkan asas penilaian liabiliti takaful keluarga atau liabiliti insurans hayat pihak pemindah itu pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful keluarga atau polisi insurans hayat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan; dan
 - (ii) berkenaan dengan pihak pemindah yang bukan anggota penanggung insurans, berdasarkan asas penilaian liabiliti takaful keluarga atau liabiliti insurans hayat pihak pemindah itu pada tarikh pemindahan berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful keluarga atau polisi insurans hayat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan berhubung dengan perniagaan yang dipindahkan daripada pihak pemindah itu kepada anggota penerima pindahan itu.

(4) Levi tahunan yang kena dibayar di bawah perenggan 73A(1)(a) Akta oleh suatu anggota penerima pindahan yang menjalankan perniagaan takaful am atau insurans am hendaklah dikira berdasarkan asas seperti yang berikut:

- (a) jumlah sumbangan bersih atau jumlah premium bersih suatu anggota penerima pindahan itu bagi tahun taksiran yang sebelumnya berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful am atau polisi insurans am sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan; dan
- (b) jumlah sumbangan bersih atau jumlah premium bersih pihak pemindah bagi tahun taksiran yang sebelumnya berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful am atau polisi insurans am sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan, tanpa mengira sama ada pihak pemindah merupakan anggota penanggung insurans atau bukan anggota penanggung insurans.

(5) Levi tahunan tambahan yang kena dibayar di bawah perenggan 73A(2)(a) Akta oleh suatu anggota penerima pindahan yang menjalankan perniagaan takaful keluarga atau insurans hayat, berkenaan dengan pihak pemindah yang bukan anggota penanggung insurans, hendaklah dikira berdasarkan asas penilaian liabiliti takaful keluarga atau liabiliti insurans hayat pihak pemindah itu pada tarikh pemindahan berkenaan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful keluarga atau polisi insurans hayat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan berhubung dengan perniagaan yang dipindahkan daripada pihak pemindah itu kepada anggota penerima pindahan itu.

(6) Levi tahunan tambahan yang kena dibayar di bawah perenggan 73A(2)(a) Akta oleh suatu anggota penerima pindahan yang menjalankan perniagaan takaful am atau insurans am, berkenaan dengan pihak pemindah yang bukan anggota penanggung insurans, hendaklah dikira berdasarkan asas jumlah sumbangan bersih atau jumlah

premium bersih pihak pemindah itu bagi tahun taksiran yang sebelumnya dikenakan dengan semua atau mana-mana jenis atau perihalan manfaat takaful atau insurans atau apa-apa sijil takaful am atau polisi insurans am sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

Pemindahan liabiliti

4. Jika suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am atau insurans am mengambil alih liabiliti bagi sijil takaful atau polisi insurans pihak yang lain, jumlah sumbangan bersih atau jumlah premium bersih pihak yang lain itu dikenakan dengan liabiliti itu bagi tahun taksiran yang sebelumnya hendaklah disifatkan sebagai jumlah sumbangan bersih atau jumlah premium bersih anggota penanggung insurans yang mengambil alih liabiliti pihak yang lain itu bagi tahun taksiran yang sebelumnya, bagi maksud pengiraan levi tahunan bagi tahun taksiran sebaik selepas tahun taksiran di mana pemindahan itu berkuat kuasa, dan levi tahunan hendaklah dibayar oleh anggota penanggung insurans yang mengambil alih liabiliti pihak yang lain itu dengan sewajarnya.

Dibuat 19 Julai 2023
[PIDM/PN/7/2023; PN(PU2)689/JLD.8]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (BASIS FOR CALCULATION OF FIRST
LEVY AND ANNUAL LEVY IN RESPECT OF INSURER MEMBERS) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 71A(1)(a), 73(1)(b), 73A(1)(a) and 73A(2)(a) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Basis for Calculation of First Levy and Annual Levy in respect of Insurer Members) Order 2023**.

(2) This Order comes into operation on 21 July 2023.

Basis for calculation of first levy

2. (1) The first levy payable under subsection 71(1) of the Act by a new insurer member carrying on the business of family takaful or life insurance shall be calculated on the basis of the valuation of family takaful liabilities or life insurance liabilities of the new insurer member as at the last day of the calendar month in which the new insurer member becomes a member institution in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any family takaful certificates or life insurance policies as specified by the Corporation.

(2) The first levy payable under subsection 71(1) of the Act by a new insurer member carrying on the business of general takaful or general insurance shall be calculated on the basis of the total net contributions or total net premiums of the new insurer member in the calendar month in which the new insurer member becomes a member institution in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any general takaful certificates or general insurance policies as specified by the Corporation.

(3) The first levy payable under subsection 71(1) of the Act by a new insurer member that has been in operation and carrying on the business of general takaful or general insurance for a minimum period of two years before the new insurer member is deemed to be a member institution by virtue of paragraph 36(2)(b) of the Act, shall be calculated on the basis of the total net contributions or total net premiums of the new insurer member of the preceding assessment year in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any general takaful certificates or general insurance policies as specified by the Corporation.

(4) The first levy payable under subsection 71(2) of the Act by a new insurer member carrying on the business of family takaful or life insurance shall be calculated on the basis of the valuation of family takaful liabilities or life insurance liabilities of the transferring party as follows:

- (a) in respect of a transferring party which is an insurer member, on the basis of the valuation of family takaful liabilities or life insurance liabilities of the transferring party as at 31 December of the preceding assessment year in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any family takaful certificates or life insurance policies as specified by the Corporation; and
- (b) in respect of a transferring party which is a non-insurer member, on the basis of the valuation of family takaful liabilities or life insurance liabilities of the transferring party as at the transfer date in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any family takaful certificates or life insurance policies as specified by the Corporation in relation to the business that are transferred from the transferring party to the new insurer member.

(5) The first levy payable under subsection 71(2) of the Act by a new insurer member carrying on the business of general takaful or general insurance shall be calculated on the basis of the total net contributions or total net premiums of the transferring party of the preceding assessment year in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any general takaful certificates or general insurance policies as specified by the Corporation, regardless whether the transferring party is an insurer member or a non-insurer member.

Basis for calculation of annual levy

3. (1) The annual levy payable under subsection 72(1) of the Act by an insurer member carrying on the business of family takaful or life insurance shall be calculated on the basis of the valuation of family takaful liabilities or life insurance liabilities of the insurer member as at 31 December of the preceding assessment year in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any family takaful certificates or life insurance policies as specified by the Corporation.

(2) The annual levy payable under subsection 72(1) of the Act by an insurer member carrying on the business of general takaful or general insurance shall be calculated on the basis of the total net contributions or total net premiums of the insurer member of the preceding assessment year in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any general takaful certificates or general insurance policies as specified by the Corporation.

(3) The annual levy payable under paragraph 73A(1)(a) of the Act by the transferee member carrying on the business of family takaful or life insurance shall be calculated on the basis as follows:

- (a) the valuation of family takaful liabilities or life insurance liabilities of the transferee member as at 31 December of the preceding assessment year in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any family takaful certificates or life insurance policies as specified by the Corporation; and

(b) the valuation of family takaful liabilities or life insurance liabilities of the transferring party as follows:

- (i) in respect of a transferring party which is an insurer member, on the basis of the valuation of family takaful liabilities or life insurance liabilities of the transferring party as at 31 December of the preceding assessment year in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any family takaful certificates or life insurance policies as specified by the Corporation; and
- (ii) in respect of a transferring party which is a non-insurer member, on the basis of the valuation of family takaful liabilities or life insurance liabilities of the transferring party as at the transfer date in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any family takaful certificates or life insurance policies as specified by the Corporation in relation to the business that are transferred from the transferring party to the transferee member.

(4) The annual levy payable under paragraph 73A(1)(a) of the Act by the transferee member carrying on the business of general takaful or general insurance shall be calculated on the basis as follows:

- (a) the total net contributions or total net premiums of the transferee member of the preceding assessment year in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any general takaful certificates or general insurance policies as specified by the Corporation; and
- (b) the total net contributions or total net premiums of the transferring party of the preceding assessment year in respect of all or any type

or description of takaful or insurance benefits or any general takaful certificates or general insurance policies as specified by the Corporation, regardless whether the transferring party is an insurer member or a non-insurer member.

(5) The additional annual levy payable under paragraph 73A(2)(a) of the Act by the transferee member carrying on the business of family takaful or life insurance, in respect of the transferring party which is a non-insurer member, shall be calculated on the basis of the valuation of family takaful liabilities or life insurance liabilities of the transferring party as at the transfer date in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any family takaful certificates or life insurance policies as specified by the Corporation in relation to the business that are transferred from the transferring party to the transferee member.

(6) The additional annual levy payable under paragraph 73A(2)(a) of the Act by the transferee member carrying on the business of general takaful or general insurance, in respect of a transferring party which is a non-insurer member, shall be calculated on the basis of the total net contributions or total net premiums of the transferring party of the preceding assessment year in respect of all or any type or description of takaful or insurance benefits or any general takaful certificates or general insurance policies as specified by the Corporation.

Transfer of liabilities

4. Where an insurer member carrying on the business of general takaful or general insurance assumes the liability for takaful certificates or insurance policies of another party, the total net contributions or total net premiums of that other party in respect of that liability for the preceding assessment year shall be deemed to be the total net contributions or total net premiums of the insurer member that assumes the liability of the other party for the preceding assessment year, for the purpose of calculating the annual levies for the assessment year immediately after the assessment year in which the transfer takes effect, and the annual levies shall be paid by the insurer member that assumes the liability of the other party accordingly.

Made 19 July 2023
[PIDM/PN/7/2023; PN(PU2)689/JLD.8]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance